

PEMILIHAN MENU RESTORAN: KAJIAN GELAGAT DALAM PEMESANAN MAKANAN HALAL DI RESTORAN

RESTAURANT MENU SELECTION: A STUDY ON BEHAVIOR IN HALAL FOOD ORDERING AT RESTAURANTS

Rosilah Bt Man¹

¹ Politeknik Tawau Sabah, KM36, Jalan Balung, 91000 Tawau, Sabah, Malaysia
(E-mail: rosilah@politawau.edu.my)

Article history

Received date : 15-2-2025
Revised date : 16-2-2025
Accepted date : 24-3-2025
Published date : 15-4-2025

To cite this document:

Man, R. (2025). Pemilihan menu restoran: Kajian gelagat dalam pemesanan makanan halal di restoran. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 299 - 304.

Abstrak: Makan di restoran atau di luar dilihat sudah menjadi kebiasaan Makanan yang halal bukan sahaja dapat mematuhi syariat Islam, namun umumnya makanan yang halal adalah bersih, berkhasiat serta sihat. Namun begitu, sejauh mana komuniti hari ini mengambil berat berkaitan makanan halal. Oleh yang demikian untuk menjawab persoalan ini, kajian ini bertujuan untuk sejauh mana komuniti Politeknik Tawau Sabah (PTS) yang terdiri daripada 58 staf dan pelajar mengambil berat berkaitan isu halal dalam pesanan makanan mereka. Kajian ini menggunakan teknik pensampelan rawak. Data di kumpul menggunakan soal selidik yang mengandungi menggunakan Google Form secara dalam talian. Analisis data dilakukan menggunakan statistik deskriptif untuk menentukan tahap kesedaran menggunakan min. Hasil kajian menunjukkan bahawa masih ramai individu yang sangat prihatin terhadap isu halal dalam pembelian makanan di luar. Walaupun begitu, masih lagi terdapat segelintir individu yang tidak peduli berkaitan dengan isu halal dalam pembelian makanan sama ada di restoran atau secara dalam talian. Kajian ini penting untuk membantu pihak institusi bagi memberi kesedaran kepada komuniti khususnya dan penyedia perkhidmatan makanan memahami keperluan pelajar terhadap makanan halal dan merangka strategi untuk meningkatkan kemudahan dan kesedaran mengenai makanan halal di kalangan pelajar.

Kata Kunci: makanan halal, gelagat pemesanan, kesedaran

Abstract: Dining out or eating at restaurants has become a common habit. Halal food not only aligns with Islamic principles but is generally also clean, nutritious, and healthy. However, the extent to which the community today prioritises halal food remains a question. To address this, the present study aims to examine the level of concern regarding halal food among the community of Politeknik Tawau Sabah (PTS), involving a sample of 58 staff and students. This study employed a random sampling technique. Data were collected through an online questionnaire administered via Google Forms. The data were analysed using descriptive statistics to determine the level of awareness based on the mean score. Findings revealed that a significant number of individuals are highly concerned about halal issues when purchasing food outside. Nevertheless, there remains a small portion of individuals who are indifferent to halal considerations when ordering food, whether in restaurants or through online platforms. This study is important in assisting the institution to raise awareness among the community,

particularly students, and to help food service providers understand the needs of students regarding halal food. The findings may also inform strategies to enhance both the availability and awareness of halal food among students.

Keywords: *halal food, ordering behaviour, awareness*

Pengenalan

Dalam era globalisasi yang pesat, masyarakat semakin terdedah kepada pelbagai pilihan makanan dari pelbagai tempat bahkan juga makanan dari seluruh dunia. Oleh itu, terdapat banyak kajian yang dijalankan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pemilihan makanan dalam kalangan individu (Bachok et al., 2022; Kamarudin & Azian, 2024; Halil et al., 2024). Bagi umat Islam, keperluan untuk mendidik umatnya bagi memastikan makanan yang diambil adalah halal menjadi satu aspek penting dalam kehidupan seharian (Jamaludin et al., 2012). Namun, begitu terdapat premis atau makanan yang ditawarkan tiada sebarang pengesahan halal daripada pihak berautoriti. Justeru, setiap individu perlu meningkatkan sikap berhati-hati dalam memesan makanan. Menurut Mohd Anuar Ramli (2020) sikap mengambil mudah aspek halalan toyyiban kian membimbangkan. Dalam beberapa tahun lepas, isu makanan yang tidak halal sering tular seperti biskut bijirin yang mengandungi bahan sumber babi. Begitu juga gula-gula yang dikeluarkan sejak 1940-an di China tetapi kini memasuki pasaran Malaysia secara meluas hingga menjadi pilihan dan kegemaran ramai pengguna Muslim. Justeru Mohd Anuar Ramli (2020) memberi penekanan supaya setiap individu tidak ambil mudah status halal produk makanan.

Pada masa kini dengan peningkatan bilangan restoran dan penyedia makanan yang menawarkan pelbagai jenis hidangan yang menarik, mudah untuk mendapatkan makanan dan dilihat tidak perlu lagi membawa bekal makanan dari rumah bagi yang bekerja. Begitu juga dengan kumpulan pelajar yang sentiasa makan di luar dan mudah terdedah kepada makanan viral. Justeru keadaan ini menimbulkan kebimbangan mengenai sejauh mana isu halal diambil berat oleh masyarakat pada hari ini ketika memesan makanan. Masih ada lagi individu yang sangat berhati-hati pemilihan makanan halal? Masih ada lagi individu yang cerewet dalam pemilihan makanan? Untuk menjawab persoalan ini kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana pelajar mengambil berat isu halal semasa memesan makanan di restoran. Kekurangan pengetahuan atau ketidakpedulian terhadap status halal makanan yang dipesan boleh membawa implikasi besar terhadap kepatuhan agama malah kepada aspek kesihatan individu pelajar.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana gelagat komuniti Politeknik Tawau Sabah yang terdiri daripada staf dan pelajar mengambil berat isu halal semasa memesan makanan di restoran.

Sorotan Kajian

Banyak kajian dijalankan untuk melihat tahap kesedaran individu berkaitan makanan halal (Shaari et al., 2020; Handani, 2021; Usman et al., 2023). Konsep produk atau makanan halal kini mendapat perbincangan di seluruh dunia kerana pengiktirafannya sebagai penanda aras alternatif untuk jaminan keselamatan, kebersihan dan kualiti terhadap apa yang kita makan atau minum setiap hari. Bagi pengguna Islam, makanan dan minuman halal bermakna produk tersebut telah memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh undang-undang Syariah (Ambali & Bakar, 2014). Umumnya, makanan halal sememangnya menjadi perhatian utama pengguna apabila mereka memilih untuk makan di luar. Namun begitu status halal di restoran biasanya

menimbulkan beberapa isu kritikal terutamanya mengenai bahan yang digunakan, pensijilan halal, dan pengeluaran logo (Kamarulzaman et al., 2020). Kajian Kamarulzaman et al. (2020) dalam mendedahkan faktor yang mempengaruhi remaja makan di restoran merumuskan bahawa remaja masa kini harus meningkatkan tahap kesedaran mereka terhadap makan di restoran yang disahkan halal. Kajian Vizano et al. (2021) menunjukkan bahawa semakin tinggi kesedaran tentang produk halal, semakin besar hubungan antara minat membeli dan tingkah laku membeli makanan halal. Hasil kajian ini juga menunjukkan kepentingan memberi perhatian kepada faktor kesedaran halal dalam bentuk peningkatan hubungan antara minat beli dan gelagat membeli produk makanan halal. Oleh yang demikian setiap syarikat perlu menonjolkan aspek halal di premis mereka. Ini kerana menurut Purwanto et al. (2021) menunjukkan kesedaran halal, imej jenama, pensijilan halal, sebab kesihatan, dan nilai persepsi mempunyai kesan positif dan signifikan terhadap niat membeli.

Metodologi

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif. Teknik yang digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data adalah persampelan rawak Responden bagi kajian ini terdiri daripada 58 pelajar dan kakitangan PTS di Politeknik Tawau Sabah. Instrumen kajian menggunakan soal selidik berstruktur yang dibangunkan sendiri dan melalui pengesahan kebolehpercayaan item. Nilai Cronbach Alpha adalah 0.881 yang menunjukkan item sangat boleh dipercayai. Item 5-skala likert dalam bentuk kekerapan digunakan untuk menilai pilihan jawapan daripada responden bermula dari 1: Tidak Pernah hingga 5: Sentiasa. Data yang di kumpul melalui soal selidik akan dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif, seperti min untuk menentukan tahap. Penentuan tahap berdasarkan skor min seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Penentuan ini dipetik dalam kajian Ngadiman et al. (2019) bermula dari 1.00–1.99 (Lemah), 2.00–2.99 (Rendah), 3.00–3.99 (Sederhana) dan 4.00–5.00 (Tinggi).

Hasil Kajian

Latar Belakang Responden

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Item		n	%
Jantina	Lelaki	15	29.5
	Perempuan	43	70.5
Program	DRT	29	47.5
	DUP	25	41.0
	Staf	7	11.5
Semester	1	12	18.9
	2	17	25.7
	3	10	16.2
	5	11	21.6
	Staf	12	16.2
Kediaman	Dalam kampus	47	77.0
	Luar kampus	14	23.0
Kekarapan makan di luar/ restoran	Beberapa kali sebulan	24	39.3
	Beberapa kali seminggu	27	44.3
	Jarang sekali	6	9.8
	Setiap hari	4	6.6

Kekurangan membuat pesanan makanan dalam talian	Beberapa kali sebulan	14	19.7
	Beberapa kali seminggu	4	4.9
	Jarang sekali	54	73.8
	Setiap hari	2	1.6

Kajian ini melibatkan pelajar dan staf dari Muslim dari Politeknik Tawau Sabah. Berdasarkan kepada Jadual Majoriti seramai 58 responden terlibat dalam kajian ini. Sebilangan besar responden tinggal dalam kampus (77%), manakala selebihnya tinggal di luar kampus (23%). Mengenai kekerapan makan di luar atau di restoran, majoriti responden makan beberapa kali seminggu (44.3%) atau sebulan (39.3%). Ini menunjukkan mereka kerap makan di luar. Manakala dari segi kekerapan membuat pemesanan makanan dalam talian, kebanyakan responden jarang sekali membuat pesanan (73.0%), dengan sebahagian kecil membuat pesanan beberapa kali sebulan (18.9%) atau seminggu (5.4%). Data ini memberi penjelasan bahawa, majoriti responden sudah menjadi tabiat untuk makan diluar ataupun sekurangnya membuat pesanan makanan secara dalam talian.

Gelagat Dalam Pemilihan Makanan Halal

Jadual 2: Hasil Analisis Kekerapan

No	Item	Kekerapan (%) ¹					Min ²
		1	2	3	4	5	
1	Saya pernah menanyakan kepada pelayan tentang status halal makanan sebelum membuat pesanan.	13.1	16.4	45.9	6.6	18.0	3.0
2	Saya pernah memeriksa logo atau sijil halal pada menu atau di premis restoran.	1.6	8.2	21.3	26.2	42.6	4.0
3	Saya pernah memilih untuk tidak makan di restoran kerana tiada sijil halal yang dipamerkan.	4.9	11.5	14.8	29.5	39.3	3.9
4	Saya pernah menukar pilihan menu setelah mengetahui makanan tersebut tidak halal.	19.7	4.9	9.8	14.8	50.8	3.7
5	Saya pernah mengajak rakan-rakan atau keluarga untuk makan di restoran yang menyediakan makanan halal.	4.9	1.6	6.6	9.8	77.0	4.5
6	Saya pernah membuat carian dalam talian untuk memastikan restoran yang saya pilih menyediakan makanan halal.	3.3	13.1	19.7	16.4	47.5	3.9
7	Saya pernah meminta pengesahan daripada kakitangan restoran mengenai ramuan makanan yang tidak pasti status halalnya.	19.7	11.5	34.4	18.0	16.4	3.0
8	Saya pernah memilih restoran tertentu kerana mengetahui bahawa semua menunya halal.	-	1.6	11.5	23.0	63.9	4.5
9	Saya pernah menghadapi situasi di mana saya tidak makan apa-apa kerana tiada pilihan halal di restoran tersebut.	39.3	9.8	14.8	9.8	26.2	2.7
10	Saya pernah menolak jemputan untuk makan di restoran yang tidak menyediakan makanan halal.	21.3	8.2	11.5	18.0	41.0	3.5

11	Saya pernah berkongsi maklumat mengenai restoran halal kepada rakan-rakan atau keluarga.	3.3	8.2	27.9	19.7	41.0	3.9
12	Saya pernah mempengaruhi keputusan rakan-rakan untuk memilih restoran yang menyediakan makanan halal.	4.9	3.3	21.3	23.0	47.5	4.0
13	Saya pernah berasa tidak selesa makan di restoran yang tidak mempunyai pengesahan halal yang jelas.	4.9	6.6	19.7	16.4	52.5	4.0

*¹Petunjuk: 1 (Tidak Pernah); 2 (Jarang); 3 (Kadang-kadang); 4 (Selalu); 5 (Sentiasa); ²Rujuk petunjuk ini untuk menentukan tahap min: 1.00– 1.99 (Lemah), 2.00– 2.99 (Rendah), 3.00– 3.99 (Sederhana) dan 4.00– 5.00 (Tinggi).

Jadual 3 menunjukkan gelagat komuniti PTS dalam membuat pesanan makanan halal. Secara keseluruhannya masih ramai individu yang sangat prihatin dalam isu halal apabila membuat pesanan makanan. Ini ditunjukkan apabila setiap item, majoriti memberikan penilaian 5 iaitu sentiasa. Walaupun begitu, masih ramai juga responden mengaku bahawa mereka tidak pernah atau jarang membuat pengesahan ke atas makanan yang dibeli. Ini juga dibuktikan masih terdapat responden yang memberikan jawapan 1 iaitu tidak pernah. Sekiranya dilihat pada min bagi setiap item, majoriti adalah pada tahap sederhana dan tinggi. Dapatan ini menjelaskan bahawa masih ramai individu yang kurang prihatin berkaitan aspek halal dalam makanan. Kajian ini menunjukkan perlu usaha atau program pendedahan kepada asas kepada pemilihan makanan halal dalam kalangan komuniti Muslim di PTS.

Kesimpulan

Dalam era globalisasi yang pesat, masyarakat semakin terdedah kepada pelbagai pilihan makanan dari pelbagai tempat bahkan juga makanan dari seluruh dunia. Bagi umat Islam, keperluan untuk memastikan makanan yang diambil adalah halal menjadi satu aspek penting dalam kehidupan seharian. Kesedaran dalam memilih makanan halal masih tipis dikalangan pelajar PTS khususnya. Program kesedaran halal perlu di buat bagi memberi pengetahuan asas mengenai kepentingan memilih makanan halal di dalam kehidupan seharian. Sebagai seorang muslim memilih makanan halal adalah keutamaan di dalam shariah islam itu sendiri. Kursus kesedaran halal yang ditawarkan oleh pihak JAKIM melalui tenaga pengajar di pusat- pusat Latihan halal di Malaysia boleh dijadikan satu kursus pilihan kepada semua komuniti di Tawau khususnya.

Rujukan

- Ambali, A. R., & Bakar, A. N. (2014). People's awareness on halal foods and products: potential issues for policymakers. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 121, 3-25.
- Arendt, E. K., Ryan, L. A. M., & Dal Bello, F. (2007). Impact of sourdough on the texture of bread. *Food Microbiology*, 24(2), 165–174. <https://doi.org/10.1016/j.fm.2006.07.011>
- Atputharajah, J. D., Widanapathirana, S., & Samarajeewa, U. (1986). Microbiology and biochemistry of natural fermentation of coconut palm sap. *Food Microbiology*, 3(4), 273–280. [https://doi.org/10.1016/0740-0020\(86\)90002-1](https://doi.org/10.1016/0740-0020(86)90002-1)
- Bachok, S., Chik, C. T., Fauzi, F. A., Zamri, M. H., & Zakaria, I. (2022). Faktor ekstrinsik mempengaruhi pilihan makanan di kalangan pelajar kolej UITM. *International Journal of Social Science Research*, 4(4), 368-374.
- Halil, N. A., Razak, R. A., Ismail, N., & Bidin, H. (2024). Kelamai: keistimewaan Rao dari Perak-kajian kesan pembungkusan produk terhadap niat pembelian pengguna:. *Asian Journal Of Environment, History And Heritage*, 8(Special Issues).
- Handani, N. (2021). Product awareness of international Muslim students in South Korea about the importance of halal food. *Research Horizon*, 1(1), 1-6.
- Jamaludin, M. A., Ramli, M. A., Latif, M. A., & Mat, D. (2012). Pendidikan kepenggunaan halal di Malaysia. *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam. Bandar Seri Begawan: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan*, 285-289.
- Kamarudin, S. N., & Azian, F. U. M. (2024). Impak Pengaruh Media Sosial terhadap Amalan Pengambilan Makanan dalam Kalangan Belia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(4), 1-20.
- Kamarulzaman, N. H., Tarmizi, H. A., & Misri, S. M. (2020). Generation Z's Awareness of Eating at Halal Certified Restaurants. *Malaysian Journal of Agricultural Economics*, 29(1).
- Mohd Anuar Ramli. (2020). Jangan ambil mudah status halal produk makanan. *BH Online*. September 18, 2020. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2020/09/732549/jangan-ambil-mudah-status-halal-produk-makanan>
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Purwanto, A., Haque, M. G., Sunarsi, D., & Asbari, M. (2021). The role of brand image, food safety, awareness, certification on halal food purchase intention: An empirical study on Indonesian consumers. *Journal of Industrial Engineering & Management Research*, 2(3), 42-52.
- Shaari, H., Ahmad, N., Md Salleh, S., Mohd Mokhtar, S. S., Yusoff, R. Z., Khamwon, A., & Putatchote, N. (2020). Does halal product availability and accessibility enhanced halal awareness and intention to purchase halal packaged food products: Malaysia and Thailand's halal industry perspective. *International Journal of Supply Chain Management*.
- Usman, H., Chairy, C., & Projo, N. W. K. (2023). Between awareness of halal food products and awareness of halal-certified food products. *Journal of Islamic Marketing*, 14(3), 851-870.
- Vizano, N. A., Khamaludin, K., & Fahlevi, M. (2021). The effect of halal awareness on purchase intention of halal food: A case study in Indonesia. *The Journal of Asian Finance, Economics and Business*, 8(4), 441-453.